Berita Minggu, Ahad, 9 Ogos, 1981

SEKITAR SEBELUM PERSIDANGAN MAJLIS TERTINGGI UMNO

## Tanggungjawab masing-masing mesti dilaksanakan

# Riang terpancar di setiap wajah pemimpin

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



### Berbincang sebelum bermesyuarat

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir (tengah) berbincang dengan Timbalannya, Datuk Musa Hitam dan Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Mustafa sebelum memulakan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO semalam.

Dalam keputusan mesyuarat itu, Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri akan mengetuai Biro Politik, Datuk Musa pula Pengerusi Jawatankuasa Disiplin, manakala Senator Datuk Mustafa kekal sebagai Setiausaha Agung UMNO.

Mesyuarat itu adalah yang pertama sejak Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri.



DUA berdiri dan dua duduk. Keempat tokoh UMNO ini mengabadikan air muka dan senyuman yang berlainan.

Mereka ialah dari kiri: Datuk Embong Yahya (Ketua Penerangan), Tan Sri Haji Othman Saad (Menteri Besar Johor), Datuk Abdullah Ismail (Ahli Exco Kedah) dan Encik Adib Mohd Adam (Ketua Menteri Melaka).

Kesemuanya adalah ahli Majlis Tertinggi UMNO yang dilantik, kecuali Encik Adib.

Foto: MOHD YUSOF





■ KEDUA Ahli Majlis Tertinggi UMNO (foto kiri), Datuk Seri Wan Mohamad Haji Wan Teh (kanan) dan Tan Sri Syed Nasir Ismail meneliti keluaran terbaru akhbar Suara Merdeka sebelum Mesyuarat Majlis Tertinggi dimulakan.

Foto kanan: Datuk Abdul Manan Othman dan Dr. Nawawi Mat Awin ketawa riang ■

### MAJLIS TERTINGGI UMNO

Berikut disenaraikan jawatan dan penyandang di Majlis Tertinggi UMNO Malaysia untuk tahun 1981—1983:

- Setiausaha Agung —Senator Datuk Mustafa Jabar
- Bendahari —Tengku Razaleigh Hamzah
- Ketua Penerangan —Datuk Embong Yahya.

Tujuh Ahli Majlis Tertinggi Yang Dilantik ialah:

- Tan Sri Haji Othman Saat (Menteri Besar Johor).
- Tan Sri Syed Nasir Ismail (Yang Dipertua Dewan Rakyat)
- Datuk Hussein Ahmad (Timbalan Menteri Besar Kelantan)
- Haji Ali Ahmad (Pemangku Menteri Besar Perlis)
- Datuk Abdullah Ismail dari Kedah.
- Dr. Nawawi Mat Awin (Pengerusi MARA) dari Perak.
- Seorang lagi akan diumumkan kemudian.

- Pengerusi Jawatankuasa Disiplin —Datuk Musa Hitam
- Ketua Biro Politik —Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad
- Ketua Biro Kewangan —Tengku Razaleigh Hamzah.
- Ketua Biro Ekonomi —Dr. Nawawi Mat Awin
- Ketua Biro Pelajaran —Datuk Musa Hitam
- Ketua Biro Agama —Datuk Amar Wan Mokhtar Ahmad.
- Ketua Biro Kesatuan Sekerja —Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin.
- Ketua Biro Kebudayaan dan Kebajikan Masyarakat —Datuk Mokhtar Hashim.
- Pengerusi Jawatankuasa Perlembagaan —Encik Ghafar Baba.
- Pengerusi Jawatankuasa Penerangan —Encik Sanusi Jonid.
- Pengerusi Bangunan UMNO Malaysia —Tengku Razaleigh Hamzah.



■ Tengku Razaleigh Hamzah Bendahari UMNO meneliti Suara Merdeka sebelum bermesyuarat MT UMNO. Datuk Haji Suhaimi memerhatikan saja.



■ Datin Paduka Rafidah menerangkan sesuatu kepada Encik Sanusi sambil diperhatikan oleh Datin Paduka Zaleha.



■ PUAN Marina Yusoff nak bersalam dengan Datuk Haji Suhaimi. Tengku Ahmad Rithauddeen memerhatikan saja.



Datuk Abdullah Haji Ahmad sempat bergurau dengan Datin Paduka Rafidah [s]ambil diperhatikan oleh Datin Paduka Zaleha.



■ Datuk Seri Haji Wan Mohammad (kanan) dan Datuk Seri Shariff meneliti agenda mesyuarat. Tan Sri Syed Nasir Ismail tersenyum saja.